



جابتن حال إحوال اِكْلام إِسلام قولواو قِينْخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH

**API YANG MEMBAKAR,
AIR YANG MEMADAM**



Tarikh Bacaan:
18 APRIL 2025M / 19 SYAWAL 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Api Yang Membakar, Air Yang Memadam

18 April 2025M/ 19 Syawal 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قال الله تعالى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿١٠٦﴾ سورة البقرة

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin menyeru supaya kita bersungguh-sungguh meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Takwa boleh ditingkatkan dengan kita mentaati segala arahan Allah dan meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah. Hasil ketakwaan yang tinggi akan membawa kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Mimbar juga menyeru para jemaah untuk memberi fokus sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Menurut Irsyad Fatwa Negeri Pulau Pinang, sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak melakukan sebarang aktiviti selain mendengar khutbah. Khatib akan membicarakan khutbah:

Api Yang Membakar, Air Yang Memadam.



SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Awal tahun ini, dunia dikejutkan dengan kebakaran besar yang memusnahkan harta benda dan nyawa di Los Angeles. Iktibar yang boleh diambil dari peristiwa ini ialah, Allah Maha Berkuasa untuk menimpakan ujian dan bala kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Begitulah juga kita dalam menjalani kehidupan, hendaklah sentiasa mengingati apakah status kita di sisi-Nya? Apakah kita sekarang ini dalam keredaan Allah atau dalam kemurkaan Allah?

Hidup kita di dunia ini, satu perjalanan menuju negeri yang abadi. Di sebalik gelak ketawa dan perasaan gembira terutamanya di dalam bulan Syawal ini, hendaklah kita turut mengintai untung nasib kita dan ahli keluarga di Hari Akhirat kelak. Apakah kita bakal selamat dari seksaan api neraka Allah atau sebaliknya? Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* yang dibacakan di awal khutbah tadi membawa maksud:

“Wahai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu (berhala) penjaganya para Malaikat yang kasar dan keras (layanannya) yang tidak derhaka kepada Allah terhadap apa-apa yang diperintah-Nya kepada mereka dan selalu melakukan apa-apa yang diperintahkan.”

﴿Surah at-Tahrim ayat 6﴾

Sebagai lelaki yang menadi ketua keluarga dalam rumah tangga, selamatkanlah ahli keluarga kita dengan membawa diri kita dan kesemua mereka untuk sentiasa dekat dengan Allah dan beroleh takwa yang didamba.

KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Mungkin kita biasa dengan kenyataan “orang lelaki kena kuat, mana boleh menangis”. Hakikatnya menangis kerana takutkan Allah, sangat penting malah amat digalakkan. Ia menunjukkan bahawa kita mengakui kebesaran dan keagungan Allah serta kelemahan diri kita sebagai hamba-Nya. Menangis kerana Allah adalah tanda hati yang hidup, hati yang penuh dengan kesedaran tentang dosa-dosa serta rasa rendah diri dan penyesalan terhadap setiap kesalahan dan kelalaian yang pernah kita lakukan. Tidakkah kita mahu diiktiraf sebagai golongan yang disebut Nabi melalui hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari yang bermaksud:

“Ada tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah pada Hari Kiamat, di antaranya adalah seseorang yang mengingati Allah dalam keadaan sendirian sehingga menitis air mata (kerana takut kepada Allah)”.

Hadis ini jelas menunjukkan betapa Allah mengangkat darjat kemuliaan terhadap orang yang menangis kerana takutkan Allah. Ia merupakan salah satu tanda keimanan yang tinggi dan sangat bernilai di sisi Allah malah akan dibantu ketika di Mahsyar kelak di saat tiada bantuan melainkan dari Allah.

Dalam satu hadis yang lain daripada Saidina Uthman bin Affan رضي الله عنه Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

عَيْنَانِ لَا تَمْسُهُمَا النَّارُ: عَيْنٌ بَكَتْ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ، وَعَيْنٌ بَاتَتْ تَحْرُسُ فِي

سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: *“Dua mata yang tidak akan disentuh oleh api neraka, iaitu mata yang menangis kerana takut kepada Allah dan mata yang berjaga kerana berjihad di jalan Allah.”* ﴿Hadis Riwayat At-Tirmizi﴾

Bagi kita yang mungkin sukar untuk menangis, cubalah untuk merenung segala kebesaran Allah, segala nikmat yang telah diberikan kepada kita selama ini, serta segala dosa yang kita lakukan setiap hari. Ingatlah bahawa, setiap kali kita bertaubat dan beristighfar, Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* adalah Tuhan Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Jangan pernah merasa hina untuk menangis kerana sesungguhnya menangis kerana takutkan Allah adalah bentuk penghambaan yang paling mulia. Ingatlah bakaran api neraka di sana sesuatu yang pastinya ada. Maka padamlah ia dengan titisan air mata yang gugur di dunia ini kerana takwa kepada Allah.

Setitis air mata di dunia dapat memadam lautan api neraka. Manakala lautan air mata di akhirat, tidak dapat memadam dosa bahkan membawa penyesalan jua.

SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI,

Rentetan daripada kezaliman Zionis Yahudi yang tidak berperikemanusiaan terhadap umat Islam di Palestin yang membunuh kanak-kanak, wanita dan orang awam dengan sewenang-wenangnya, maka khatib juga mengambil kesempatan dalam khutbah hari ini untuk menggesa agar dunia Islam bersatu untuk berjihad mempertahankan bumi Palestin daripada terus dinodai.

Umat Islam dan negara Islam wajib berjihad membela rakyat dan negara Palestin dengan kaedah jihad yang ditetapkan oleh syarak.

Negara-negara umat Islam perlu mengambil satu tindakan yang tegas dengan menghantar bantuan berbentuk ketenteraan dan persenjataan demi menyelamatkan umat Islam di Palestin.

Umat Islam juga dinasihatkan untuk tidak bertindak secara semborono dalam menyahut seruan jihad bersenjata. Hal ini kerana usaha jihad diuruskan oleh ulil amri (pemerintah) dan ia bukan bersifat individu.

Oleh yang demikian, tidak sewajarnya individu bertindak mengangkat senjata secara peribadi ke bumi Palestin kerana ia lebih memberi mudarat dan menggugat keamanan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kesimpulan daripada khutbah hari ini adalah seperti berikut:

Pertama: Hidup di dunia ini adalah pentas ujian dan hanya bersifat sementara. Persiapkanlah diri dan ahli keluarga dengan bekalan takwa.

Kedua: Kepanasan bakaran api neraka tiada tolok bandingnya, padamlah ia dengan titisan air mata taubat yang mengalir semasa hidup di dunia.

Ketiga: Baikilah sentiasa hubungan sesama manusia, bermaaf-maafkanlah sesama kita, bukan hanya menunggu hari raya.

Moga kita beroleh keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat sana. Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah al-Isra' ayat 109:

وَيَخِرُّونَ لِلأَذْقَانِ يَبْكُونَ وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ﴿١٣٦﴾

Maksudnya: “Dan mereka menyungkur diri bersujud sambil menangis dan mereka bertambah khusyuk.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hari ini, saya ingin mengajak hadirin sekalian untuk mengambil perhatian serius terhadap penularan penyakit *Hand, Foot, and Mouth Disease* atau HFMD yang semakin meningkat, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak di sekolah dan pusat jagaan. HFMD adalah penyakit yang disebabkan oleh virus dan boleh merebak dengan cepat melalui sentuhan langsung, titisan pernafasan serta permukaan yang tercemar.

Memandangkan tiada rawatan khusus bagi penyakit ini, khatib ingin menyeru para jemaah sekalian agar mengambil langkah pencegahan seperti sentiasa membasuh tangan dengan sabun dan air bersih, mengamalkan etika batuk (tutup mulut dan hidung semasa batuk dan bersin) serta elakkan dari berkongsi barangan peribadi. Kita



juga perlu memastikan persekitaran rumah, pusat penjagaan kanak-kanak, sekolah dan taman permainan kekal bersih.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
العَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْرِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيَنْبَغُ أَمِنَا مُطْمَئِنَّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG